

## Perutusan Hari Kebebasan Akhbar Sedunia 2026

### Majlis Media Malaysia

**3 Mei 2026**

Sempena Hari Kebebasan Akhbar Sedunia 2026, Majlis Media Malaysia bersama-sama wartawan, editor, petugas media, penerbit, pertubuhan masyarakat sivil dan orang awam menegaskan semula peranan asas media yang bebas, beretika dan bertanggungjawab dalam demokrasi negara.

Kebebasan akhbar bukan suatu prinsip yang abstrak. Ia adalah keadaan yang membolehkan masyarakat mengetahui, mempersoalkan, berbahas dan menuntut pertanggungjawaban daripada pihak berkuasa. Ia juga menjadi asas yang membolehkan wartawan melapor tanpa rasa takut, editor membuat keputusan secara bebas, dan organisasi media berkhidmat demi kepentingan awam.

Tahun ini, Hari Kebebasan Akhbar Sedunia disambut pada saat yang kritikal bagi kewartawanan di Malaysia dan di seluruh dunia. Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2026 oleh Reporters Without Borders menunjukkan kebebasan akhbar global berada pada tahap terendah dalam tempoh 25 tahun, manakala kedudukan Malaysia jatuh tujuh anak tangga ke tempat ke-95 daripada 180 negara. Perkara ini tidak harus dilihat sebagai isu menyalahkan mana-mana pihak, sebaliknya sebagai isyarat nasional yang serius bahawa lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk melindungi kebebasan media, memperkukuh kelestarian bilik berita dan memulihkan kepercayaan awam terhadap kewartawanan.

Di peringkat global, tahun lalu juga mengingatkan kita tentang bahaya besar yang dihadapi wartawan di kawasan konflik. Pembunuhan wartawan di Gaza, Lubnan, Ukraine dan kawasan konflik lain menunjukkan bahawa kebebasan akhbar turut melibatkan soal hidup dan mati, serta keperluan melindungi wartawan ketika mereka menjalankan tugas untuk memaklumkan orang awam.

Di Malaysia, kewartawanan terus berdepan pelbagai tekanan. Bilik berita beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang semakin mencabar. Wartawan masih berdepan ancaman undang-undang, gangguan dalam talian, risiko keselamatan dan ketidakpercayaan awam. Pada masa yang sama, maklumat salah, kecerdasan buatan, gangguan platform digital dan penyusutan hasil media sedang mengubah cara maklumat dihasilkan, diedarkan dan digunakan.

Cabaran-cabaran ini memerlukan lebih daripada sekadar slogan. Ia memerlukan institusi, piawaian dan mekanisme praktikal yang dapat melindungi kebebasan akhbar sambil memperkukuh akauntabiliti awam.

Majlis Media Malaysia ditubuhkan untuk menyokong tujuan tersebut.

Sebagai badan kawal selia sendiri media yang bebas, peranan MMM adalah untuk menegakkan kewartawanan beretika, mempromosikan piawaian profesional, menggalakkan pelaporan yang bertanggungjawab, serta menyediakan saluran yang adil bagi aduan berkaitan kandungan media. Majlis ini wujud bukan untuk melemahkan media, tetapi untuk memperkukuh kepercayaan awam terhadap kewartawanan melalui proses yang telus, bebas dan berpaksikan prinsip keadilan.

MMM percaya bahawa pertikaian berkaitan media, sejauh yang boleh, harus ditangani terlebih dahulu melalui saluran kawal selia sendiri yang wajar. Siasatan jenayah, intimidasi atau tindakan bersifat menghukum tidak seharusnya menjadi tindak balas lazim terhadap kerja kewartawanan, khususnya apabila pelaporan dilakukan demi kepentingan awam.

Pada masa yang sama, kebebasan akhbar perlu disertai tanggungjawab profesional. Wartawan dan organisasi media mesti terus menegakkan ketepatan, keadilan, pengesahan, kebebasan editorial, akauntabiliti dan penghormatan terhadap maruah insan. Nilai-nilai ini bukan sekatan terhadap kewartawanan. Sebaliknya, inilah yang memberikan kewartawanan kredibilitinya.

MMM turut mengiktiraf langkah positif yang diambil untuk menyokong industri media, termasuk Dana Inovasi Media kerajaan yang memberi bantuan kepada organisasi media dalam menyesuaikan diri dengan transformasi digital, teknologi baharu dan keperluan bilik berita yang berubah. Inisiatif sebegini penting dan wajar diperluas secara telus, inklusif serta dengan komitmen yang jelas terhadap kebebasan editorial.

**Prof Zaharom Nain, ahli lembaga MMM**, berkata kejatuhan kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Akhbar RSF 2026 menuntut muhasabah serius, khususnya apabila dinilai berbanding komitmen rasmi terhadap kebebasan media.

“Di satu pihak, Malaysia kini mempunyai Majlis Media Malaysia melalui Akta Parlimen yang menjanjikan kawal selia sendiri media yang tulen. Namun di pihak yang lain, kita masih menyaksikan insiden membimbangkan seperti serangan terhadap wartawan dan intimidasi oleh pihak berkuasa. Ini mencerminkan masalah yang lebih luas, iaitu *cakap tak serupa bikin*.”

**Datin Paduka Esther Ng Sek Yee, ahli lembaga MMM dan Ketua Pegawai Kandungan The Star**, berkata kebebasan akhbar mesti dilindungi sebagai hak awam.

“Kebebasan akhbar tidak seharusnya menjadi suatu kemewahan. Media ialah cermin yang memantulkan nilai dan teras masyarakat sesebuah negara. Kuasa Keempat mempunyai tanggungjawab penting untuk menyuarakan aspirasi, kebimbangan, kemarahan dan penghargaan masyarakat yang diwakilinya. Cermin itu bukan milik akhbar semata-mata, tetapi milik masyarakat yang dipertahankannya. Menjadi tugas kita untuk melindunginya.”

**Mariah Doksil, ahli lembaga MMM dan Presiden Persatuan Wartawan Sabah (SJA)**, berkata kebebasan akhbar juga mesti difahami melalui realiti kehidupan wartawan di lapangan.

“Marilah kita ingat bahawa di sebalik setiap nama penulis, ada insan sebenar. Wartawan di lapangan bekerja berjam-jam lamanya, berada di bawah tekanan dan kadangkala meletakkan diri mereka dalam risiko semata-mata untuk menyampaikan kebenaran. Kami sering menjadi barisan hadapan dalam menyampaikan maklumat kepada orang awam. Kebebasan akhbar bukan hanya tentang wartawan. Ia adalah tentang hak orang awam untuk mengetahui, suara rakyat untuk didengari, dan komitmen bersama kita terhadap kebenaran.”

MMM kini sedang mengoperasikan mekanisme aduannya, memperkukuh Kod Etika, melibatkan organisasi media, serta menyokong pembangunan profesional wartawan dan editor. Usaha ini merupakan sebahagian daripada komitmen lebih luas untuk membina persekitaran media yang diyakini orang awam, dan di mana media dapat menjalankan tugasnya tanpa rasa takut atau campur tangan yang tidak wajar.

Sempena Hari Kebebasan Akhbar Sedunia ini, MMM menyeru kepada:

1. Perlindungan lebih kukuh untuk wartawan yang menjalankan pelaporan sah demi kepentingan awam.
2. Kekangan dalam penggunaan undang-undang jenayah terhadap petugas media dan organisasi berita.
3. Pengukuhan etika bilik berita, piawaian editorial dan akauntabiliti dalaman.
4. Libat urus konstruktif antara media, pihak berkuasa dan orang awam.
5. Pengiktirafan kawal selia sendiri sebagai saluran pertama yang diutamakan bagi menyelesaikan pertikaian media.
6. Sokongan berterusan terhadap kelestarian ekonomi dan pembangunan profesional kewartawanan Malaysia.
7. Perlindungan jelas bagi memastikan dana awam dan mekanisme sokongan industri tidak menjejaskan kebebasan editorial.
8. Perlindungan lebih kukuh untuk wartawan yang membuat liputan konflik, krisis, jenayah, bencana dan penyiasatan kepentingan awam.
9. Akses maklumat yang lebih baik supaya wartawan dapat melapor dengan tepat, adil dan demi kepentingan awam.

Kebebasan akhbar dan akauntabiliti media tidak harus dilihat sebagai nilai yang bertentangan. Kedua-duanya perlu berkembang bersama. Majlis media yang kukuh, media yang beretika, warga yang bermaklumat dan negara yang berhemah dalam menggunakan kuasa adalah komponen penting dalam ekosistem maklumat demokratik yang sihat.

Sempena Hari Kebebasan Akhbar Sedunia, MMM turut menjemput wartawan, petugas media, editor, pelajar, pertubuhan masyarakat sivil dan orang awam untuk menyertai **Festival Solidariti Media 2026** pada **10 Mei 2026**, dari **10.00 pagi** hingga **5.30 petang**, di **PARC Subang**. Festival ini dianjurkan bersama oleh MMM, Gerakan Media Merdeka, Centre for Independent Journalism dan Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia, dan akan menghimpunkan komuniti media serta orang awam melalui wacana, bengkel dan aktiviti berkaitan kewartawanan, kebebasan akhbar, pelaporan kepentingan awam dan solidariti media.

Majlis Media Malaysia



Malaysian Media Council

Ketika Malaysia memperingati Hari Kebebasan Akhbar Sedunia 2026, MMM menegaskan semula komitmennya untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan bagi melindungi kebebasan kewartawanan, memperkukuh piawai profesional, dan membina kepercayaan awam terhadap media.

Tugas di hadapan ini sukar, tetapi perlu. Akhbar yang bebas bukan sekadar isu media. Ia adalah hak awam.

**Majlis Media Malaysia**  
**3 Mei 2026**